

Ucapan Aluan
Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Musa Ahmad
Naib Canselor
Universiti Sains Islam Malaysia

Sempena
Majlis Graduasi Program Pensijilan USIM-BIMB 2016

Dewan Kuliah Utama, FPQS
8.30 pagi
17 Mac 2016M / 8 Jamadil Akhir 1437H (Khamis)

Terima kasih Saudara/i pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera, Salam
1 Malaysia dan Salam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

(SALUTASI)

Paku pakis tumbuh melata
Kawasan lembah jadi pilihan
Bismillah diucap pembuka kata
Iringan doa' memula ucapan

1. Syukur ke hadrat Allah SWT yang membolehkan kita hadir dalam majlis penuh barakah, ceria dan bermakna ini. Selawat dan salam ke atas junjungan besar kita, Nabi Muhammad SAW, keluarga dan kepada para sahabat baginda. Saya mengalu-alukan kehadiran dif-dif kehormat, para jemputan, para ibubapa, keluarga dan graduan ke **Majlis Graduasi Program Pensijilan USIM-BIMB Tahun 2016.**

Sesungguhnya kehadiran tuan-tuan dan puan-puan sekalian menambah lagi erti dan seri majlis pada hari ini.

Hadirin Yang Dihormati,

2. Untuk pengetahuan hadirin, Sijil Peningkatan Kemahiran Profesional USIM-BIMB telah dijalankan bermula bulan Jun 2015. Sehingga kini, terdapat 4 kohot pelajar telah mengikuti program ini di mana seramai 20 orang pelajar diambil bagi setiap kohot. Program ini merupakan hasil kerjasama di antara USIM dan BIMB bagi meningkatkan profesionalisma kakitangan BIMB dengan meningkatkan tahap penguasaan kakitangan terlibat dalam beberapa segi seperti Bahasa Inggeris, pengurusan, penggunaan ICT dan sebagainya. Program ini dijalankan di bangunan BIMB Kuala Lumpur termasuk modul kursus daripada USIM yang meliputi bahasa Inggeris, pengurusan dan ICT. Tenaga pengajar pula terdiri dari staf akademik Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) dan Fakulti Ekonomi dan Muamalat USIM (FEM) serta pegawai-pegawai teknologi maklumat dari Pusat Teknologi Maklumat (PTM) USIM.

3. USIM sentiasa berusaha dalam memastikan pelbagai pencapaian cemerlang dalam kesemua tujuh teras utama terus dikecapi oleh warga USIM secara keseluruhannya. Pelaksanaan program ini merupakan satu usaha merealisasikan teras kemampuan kewangan, di samping pembinaan teras penjenamaan dan pemposisian, untuk jangka masa panjang. Sudah semestinya usaha ini memerlukan jalinan kerjasama di antara pihak Universiti dengan

industri, kerajaan, badan-badan professional dan masyarakat. Jalinan ini sememangnya sudah bertaup rapat sejak sekian lama dan akan terus diperkukuhkan dari semasa ke semasa.

4. Kini, USIM memfokuskan untuk merealisasikan USIM'16 di mana USIM mensasarkan untuk menjadi pusat rujukan serantau dalam integrasi ilmu Naqli dan Aqli pada tahun 2016. **USIM'25** pula mensasarkan USIM sebagai pusat rujukan **global** dalam integrasi ilmu Naqli dan Aqli pada tahun 2025. Untuk mencapai sasaran ini, **Pusat Pengembangan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli** telah ditubuhkan. Pusat ini menjadi penggerak utama untuk merealisasikan hasrat USIM sebagai universiti terkemuka di dunia khususnya di dalam bidang integrasi ilmu Naqli dan Aqli melalui pendekatan pelan tindakan yang strategik, komprehensif dan berkesan.
5. USIM amat menyambut baik jalinan kerjasama dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) ini dan mengalu-alukan peserta dari kohot 3 dan 4 yang telah pun mula mengikuti program ini sekitar bulan Januari 2016 yang lalu. Saya berharap hubungan yang dibina akan berkekalan dan merangkumi pelbagai bidang lain pula pada hari-hari mendatang. Saya yakin program ini akan menjadi platform terbaik untuk memaksimumkan kesejajaran halatuju USIM dan BIMB sebagai institusi pendidikan dan kewangan yang berteraskan Islam di negara ini. Saya mengharapkan agar semoga usaha murni ini akan menyumbang dalam memenuhi aspirasi negara dan kesejahteraan ummah di waktu Islam menghadapi zaman yang amat mencabar ini.

6. Majlis graduasi ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan kepada peserta yang telah berjaya menamatkan pengajian dan memberi peluang kepada ahli keluarga untuk turut meraikan kejayaan graduan bersama-sama. Ia juga merupakan satu bentuk motivasi kepada peserta untuk melakar kejayaan yang lebih unggul di masa hadapan.

7. Saya dan seluruh warga USIM memanjatkan rasa syukur ke hadrat ALLAH Rabbul Jalil atas segala kurniaanNya yang terlalu banyak untuk dihitng. Sudah semestinya pada hari yang bersejarah ini, rasa bangga dizahirkan atas kejayaan para graduan yang berjaya menamatkan Program Pensijilan USIM-BIMB 2016. Kecapilah detik berharga ini bersama-sama insan yang banyak berkorban dan berpenat-lelah demi memastikan kejayaan para graduan sekalian. Marilah kita bersama-sama merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan ucapan jutaan terima kasih kepada ibubapa atau penjaga yang berada di dalam dewan ini.

8. Tidak lupa juga sekalung penghargaan buat tenaga pengajar yang memberikan dedikasi yang tinggi dalam menjayakan program ini. Semoga budi dan jasa tenaga pengajar dalam memberi didikan dan perkongsian ilmu akan mendapat ganjaran daripada Allah s.w.t. Justeru, saya menyeru kepada semua graduan sekalian agar memberikan tepukan yang paling gemuruh untuk ibu bapa, keluarga dan tenaga pengajar anda tidak kira di mana pun mereka berada.

(Graduan memberikan tepukan gemuruh untuk ibubapa, keluarga dan tenaga pengajar)

Hadirin Yang Dihormati,

9. Bagi pihak USIM, saya ingin merakamkan ucapan jutaan Terima Kasih dan *Syukran Jaziilan* kepada FPBU, FEM serta PTM USIM yang sentiasa komited dalam membantu menjayakan program kerjasama ini. Ucapan terima kasih kasih juga ditujukan kepada pihak BIMB atas kerjasama dan kepercayaan yang diberikan. Tidak dilupakan juga kepada ibu-bapa dan keluarga yang terus memberikan keyakinan sokongan kepada USIM sama ada secara langsung atau tidak langsung. Selain itu, setinggi-tinggi penghargaan saya ucapkan khusus kepada semua Jawatankuasa Kerja Majlis Graduasi Program Pensijilan USIM-BIMB 2016 yang telah berusaha bersungguh-sungguh dalam memastikan kejayaan majlis ini. Hanya Allah SWT sajalah yang membalas amal soleh tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

10. Akhir kalam, saya berharap agar sokongan dan kerjasama yang telah ditunjukkan kepada USIM akan terus dihulurkan. Saya juga berharap usaha kerjasama antara USIM-BIMB akan dapat diperkukuhkan lagi pada masa hadapan sebagai institusi pendidikan dan kewangan yang berteraskan Islam di negara ini. Marilah kita sama-sama berdoa kepada Yang Maha Esa agar USIM dan BIMB terus maju dan unggul bukan sahaja di bumi Malaysia ini malah diserata pelusuk dunia tercapai.

11. Kepada semua graduan, saya ucapkan Selamat Maju Jaya dan mendoakan agar kejayaan sentiasa mengiringi kalian. Jadikanlah diri kalian sebagai seorang yang memberi manfaat kepada orang lain dan bukan sebagai orang yang menagih menafaat dari orang lain.

Apabila kita memberikan manfaat kepada orang lain, hakikatnya kita sedang menanam kebaikan untuk diri kita sendiri. Jika kita menolong orang lain, Allah akan menolong kita.

Allah SWT telah berfirman di dalam surah Al-Isra ayat 7 yang bermaksud:

“Jika kamu berbuat baik(berarti) kamu berbuat baik bagi dirimu sendiri dan jika kamu berbuat jahat, maka (kejahatan) itu bagi dirimu sendiri.

Rasulullah SAW juga bersabda:

"Barangsiapa membantu keperluan saudaranya, maka Allah membantu keperluannya. (Muttafaq 'alaih)"

Resmi Padi Menunduk Berisi
Bukan Dedit Tak Pandang Bumi
Ilmu Ditimba Memperkasakan Diri
Berbudilah Graduan Kepada Pertiwi

Lelah Si Tua Bukannya Sedikit
Demi Kalian Menggenggam Jaya
Ilmu Berguna Tak Banding Emas Sebukit
Sumbanglah Sebanyak Memartabat Bangsa

12. Sekianlah sahaja ucapan saya dan saya mengharapkan agar majlis graduasi pada hari ini akan memberi seribu kenangan manis kepada para graduan. Saya sudahi dengan *Wabillahit Tawfiq wal Hidayah, Wassalamu 'Alaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.*